



NOTA UCAPAN

**YB TIMBALAN MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI
& HAL EHWAL PENGGUNA
DATO' ROSOL BIN WAHID**

MAJLIS PERASMIAN

**PENJENAMAAN SEMULA FRANCAIS NY
STEAK SHACK (NYSS)**

**TARIKH : 6 OGOS 2022, SABTU
TEMPAT : NYSS RESTORAN, IOI CITY MALL,
PUTRAJAYA**

YBrs. Tuan Haji Azman bin Adam

Ketua Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP

YBrs. En. Jamil bin Busrah

Ketua Pegawai Perniagaan

Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)

YBrs. En. Mohamad Shukri Salleh

Naib Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA)

YBrs. En. Mazlan bin Abd Aziz

Eksekutif Kanan, Bahagian Pembangunan Francais

PERNAS

YBrs. En Daniel Chan,

Pengurus Eksekutif Revenue Valley Sdn Bhd,

YBrs. En Fauzi bin Hassim,

Pengurus Besar, NY Steak Shack

YBrs. En Wilfred Wong,

Penolong Pengurus Besar IOI City Mall

Wakil-wakil MFA, PERNAS, kru NY Steak Shack, rakan-rakan media dan hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kita dibekalkan dengan kesihatan untuk sama-sama berkumpul di **Majlis Perasmian Penjenamaan Semula Francais NY Steak Shack (NYSS)** di IOI City Mall, Putrajaya, hari ini.

2. Syukur, situasi COVID-19 di negara kita kini terkawal dan ini membolehkan kita meneruskan kehidupan pada norma biasa dalam fasa peralihan endemik ini, terutama untuk sama-sama kembali merancakkan sektor ekonomi negara kita. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selaku peneraju perdagangan domestik termasuklah pembangunan industri francais, sentiasa menyokong penggiat dan para usahawan francais untuk mempromosikan perniagaan mereka dan bersama-sama menyumbang ke arah pengukuhan ekonomi negara.

REVENUE VALLEY

3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak syarikat Revenue Valley Sdn Bhd kerana menjemput saya merasmikan Majlis Penjenamaan Semula Francais Restoran NY Steak Shack yang berwajah baru. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua warga Revenue

Valley kerana telah mengorak langkah untuk melebarkan sayap perniagaan melalui konsep francais dan saya diberitahu banyak lagi peluang francais bakal dibuka pada tahun ini. Saya dimaklumkan bahawa Revenue Valley dan NY Steak Shack juga semakin rancak meluaskan peluang untuk bakal usahawan yang berminat menceburi industri francais khususnya segmen makanan dan minuman atau F&B.

4. Saya juga difahamkan bahawa Revenue Valley turut membuka peluang francais dengan jenama Manhattan Fish Market di bawah pengelolaan yang sama. Di samping itu, pihak syarikat juga menganjurkan kolaborasi bersama syarikat lain bagi memenuhi permintaan pelanggan seperti usahasama dengan MY Burger Lab dan lain – lain.

5. Saya amat berharap graduan institusi pengajian tinggi, belia dan golongan yang sedang mencari peluang dan berminat menceburi bidang perniagaan terutama dari kalangan B40 dan M40 untuk merebut pilihan yang tersedia ini. Menjadi harapan dan matlamat kementerian untuk melahirkan lebih ramai usahawan francais yang mampu berdaya saing dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

KEMENTERIAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Untuk makluman, sehingga kini sebanyak **1,137 syarikat francais telah didaftarkan di KPDNHEP** dan kira-kira **36 peratus daripadanya adalah dalam segmen makanan dan minuman atau F&B**. Sejumlah **68 syarikat francais tempatan pula telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa dan kini berada di 70 buah negara**. Usaha keras Kementerian untuk membangunkan industri francais dapat dilihat daripada statistik Laporan Tahunan Perniagaan Francais (LTPF) yang wajib dikemukakan oleh syarikat pada setiap tahun. Berdasarkan LTPF 2020, nilai jualan syarikat francais meningkat kepada RM14.6 bilion berbanding RM13.3 bilion yang dicatatkan pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 9.7%.

7. Kementerian sangat optimis perniagaan francais akan terus berkembang pesat dan segenap usaha serta inisiatif yang dilaksanakan kementerian untuk menyokong daya saing sektor ini akan membolehkan sasaran mencapai **RM15 bilion** dalam peningkatan nilai jualan syarikat francais bagi tahun 2022 ini mampu direalisasikan.

8. Inisiatif kementerian menerusi Program Francais Mikro dan Mampu Milik yang menetapkan modal permulaan bawah RM100,000 berjaya menarik lebih ramai rakyat merebut peluang untuk berniaga. Dengan kewujudan program ini juga, ia dapat memberi manfaat kepada golongan B40 dan M40 untuk meningkatkan taraf hidup dengan menjana pendapatan sebagai peniaga francais serta mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Sehingga hari ini, sebanyak **33 permohonan Geran Padanan (*Matching Grant*) berjumlah RM2.4juta** telah diluluskan oleh Kementerian di bawah program ini, manakala bagi permohonan **Geran Penuh (*Full Grant*)**, **sebanyak 14 permohonan telah diluluskan berjumlah RM1.4 juta.**

HARAPAN

9. Kementerian berharap dan yakin lebih ramai potensi francaisi akan menunjukkan hasrat untuk memulakan perniagaan francais. Industri francais mampu memberi satu dimensi baru terutama kepada golongan muda, siswazah dan golongan B40 dan M40 yang berminat menceburi perniagaan dan menjadi pencipta pekerjaan atau *job creator* berbanding terkepong dalam lingkungan pencari kerja atau *job seeker*. Francais adalah satu segmen perniagaan yang baik untuk memulakan langkah dalam bidang perniagaan.

10. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada pihak penganjur pada hari ini. Saya juga berharap agar semua pihak yang terlibat termasuk agensi-agensi kerajaan dan penggiat industri dapat memberikan sokongan yang berterusan agar kerjasama yang dimeterai ini akan memberikan kesudahan yang baik buat kita semua.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penjenamaan Semula Francais NY Steak Shack (NYSS) hari ini.

Sekian, terima kasih.